

09/04/2001

EIU pandang positif langkah tingkat perbelanjaan

Azman Abdul Hamid in London

RANCANGAN terbaru kerajaan bagi menyekat kesan buruk kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, dengan meningkatkan perbelanjaan awam dan swasta, adalah langkah positif, menurut Unit Perisiklan Ekonomi (EIU), menurut The Economist.

"Berdasarkan rekod lalu, pendekatan kewangan kerajaan adalah kukuh sekalipun program baru akan meningkatkan defisit belanjawan kepada kira-kira enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Pentadbiran dan birokrasi yang berkesan bermakna program itu akan memberi kesan tertentu," menurut EIU mengenai pelan rangsangan fiskal yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Program itu bertujuan meningkatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 1.1 peratus lagi tahun ini.

Kelembapan ekonomi AS menyebabkan pertumbuhan mungkin antara empat dan lima peratus tetapi ia mungkin boleh mencapai enam peratus menerusi rangsangan fiskal itu.

Intipati utamanya ialah suntikan modal sebanyak RM3 bilion, kebanyakannya dalam bentuk perbelanjaan pembangunan termasuk membina sekolah, universiti, perumahan dan projek infrastruktur serta kemudahan besar.

Bagi memujuk pengguna berbelanja, rancangan itu mencadangkan potongan sumbangan pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) daripada 11 peratus kepada sembilan peratus.

Selain itu, cukai kad kredit dimansuhkan dan peraturan memberi pinjaman kereta kepada kakitangan kerajaan akan dilonggarkan.

Bagi mengurangkan lebihan saham dalam pasaran hartanah, insentif kepada orang ramai untuk membeli rumah akan diperkenalkan semula.

Lebih penting lagi ialah langkah kerajaan melonggarkan sekatan ke atas pemilikan kediaman terhadap orang asing termasuk pembelian aset sekalipun butir-butirnya belum didedahkan.

"Program yang menyeluruh ini menunjukkan kerajaan sedia mengubah cara meningkatkan pertumbuhan. Modal juga tidak menjadi masalah memandangkan kadar simpanan wang adalah tinggi - 40 peratus tahun lalu," kata EIU.

Bagaimanapun, isu utama ialah sejauh mana orang ramai cenderung berbelanja selepas penurunan sumbangan kepada KWSP yang diramal meningkatkan pertumbuhan sebanyak 0.24 hingga 0.36 peratus mata.

"Mungkin pengguna akan berjimat, berdasarkan pengalaman lalu," menurut EIU.

Oleh sebab itu, kerajaan mendesak bank meningkatkan pinjaman sebanyak lapan peratus tahun ini, langkah yang biasanya tidak mendapat sambutan. Tahun lalu, pinjaman hanya meningkat sebanyak 5.4 peratus.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak ada rancangan buat masa ini untuk menurunkan kadar faedah - 5.5 peratus sejak 1999.

Beliau juga berikrar mengekalkan nilai tukaran mata wang sebanyak RM3.80 bagi setiap AS\$1 yang ditambat sejak September 1998.

Sekalipun begitu, Malaysia tentu menghadapi tekanan supaya mengubah suai nilai tukaran mata wangnya kerana kelemahan mata wang yen Jepun tahun ini yang memaksa negara serantau menurunkan nilai mata wang mereka.

Selain itu, penurunan tempahan dari Amerika untuk ekport teknologi maklumat serta kelemahan mata wang yen itu meningkatkan risiko bahawa Malaysia menghadapi sedikit tekanan luar.

Bagaimanapun, EIU menyifatkan program yang dibentangkan Dr Mahathir

mencukupi bagi menghadapi cabaran semasa.

"Sekalipun kami sudah meramalkannya, program ekonomi baru ini melepasi jangkaan. Jadi, kami akan meminda jangkaan buat beberapa minggu lagi menunjukkan pertumbuhan ekonomi Malaysia meningkat," menurut EIU.

(END)